

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

YSK 503 – DASAR DAN ETIKA KOMUNIKASI

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jika ditinjau dari segi perkembangan industri media di Malaysia dan dasar yang dibentuk mengenainya sejak 1980an, kelihatan satu tanggapan bahawa dasar media di Malaysia mempunyai dua haluan, iaitu satu dasar liberalisasi dan deregulasi yang membebaskan sistem telekomunikasi, komputer dan televisyen dari segi hak milik dan kawalan, kandungan, dan teknologi di sebelah pihak, dan kawalan ketat ke atas sistem akhbar yang masih mengawal ketiga-tiga aspek ini (hak milik, kandungan dan teknologi) dengan ketat lagi di sebelah pihak yang lain.

Apakah pendirian anda tentang tanggapan ini. Berikan justifikasi kepada pendirian anda dengan meninjau akta-akta dan dasar media yang ada untuk menunjukkan wujudnya dua haluan ini. Perbincangan anda seterusnya perlu di sandarkan kepada bacaan-bacaan yang anda telah lakukan.

2. Dengan menggunakan konteks globalisasi sebagai perspektif jawapan anda, bincangkan perkembangan media dari segi isu-isu semasa seperti pemusatan (*concentration*) dan komersialisasi. Apakah implikasinya kepada kerajaan, undang-undang dan dasar komunikasi

- 2 -

3. "Untuk mendapatkan perasaan kewajipan moral, hanya untuk menekankan kepada pelajar kepada kehendak dalaman pemikiran etikal: iaitu, ia menyeru kita bertindak di dalam keadaan apa yang kita tanggap sebagai betul dan baik. Saya gelarnya sebagai kehendak dalaman untuk menandakan struktur yang formal, yang tidak langsung kena-mengena dengan apa yang boleh dianggap sebagai intipati kepada tingkahlaku yang betul atau yang baik. (Daniel Callahan, dalam J.J. Jaksa, (1994:15).

[“To elicit a sense of moral obligation is only to highlight with students an internal requirement of ethical thinking: that it calls us to act in the light of what we perceive to be right and good. I call it an ‘internal requirement’ to indicate its formal structure, one that says nothing whatever about what counts as the substance of a right or good act.” (Daniel Callahan, in J.J. Jaksa, (1994:15)].

Bincangkan kenyataan di atas dari segi kewaspadaan di dalam pengajian etika dan membincangkannya dalam konteks yang lebih luas.

- ooo O ooo -